

## Perang Palestin-Israel

# Malaysia sokong penuh usaha muktamadkan gencatan senjata

**Putrajaya:** Malaysia menyokong penuh usaha memuktamad gencatan senjata di antara Palestin dan Israel seperti dicadangkan Mesir, Qatar dan Amerika Syarikat (AS).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata biarpun menyokong penuh usaha itu, AS perlu bertindak tegas terhadap rejim zionis yang sudah menye-

babkan banyak kesengsaraan.

“Kita bincang dalam mesyuarat Jemaah Menteri (untuk memberi sokongan kepada Mesir, Qatar dan AS. Saya percaya ia lebih lunak berdasarkan apa yang saya pernah bincangkan dengan pimpinan Hamas.

“Sementara kita sokong kuat cadangan ini, kita menuntut AS bertindak lebih tegas terhadap

Israel kerana ini adalah kedegilan dan keangkuhan mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyempurnakan Majlis Peluncuran Modul Latihan Kenegaraan Malaysia MADANI di sini, semalam.

Terdahulu, Qatar, AS dan Mesir menggesa Hamas dan Israel untuk memuktamad perjanjian

merangkumi prinsip digariskan oleh Presiden AS, Joe Biden.

Ketiga-tiga negara itu menjadi pengantara dalam perbincangan berterusan untuk melaksanakan gencatan senjata di Gaza dan pembebasan tawanan serta tahanan.

Prinsip digariskan itu menggabungkan tuntutan semua pihak dalam satu perjanjian yang

memenuhi pelbagai kepentingan demi kesejahteraan rakyat Gaza.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, cadangan AS menerusi Presiden AS bersama Qatar dan Mesir itu untuk meletakkan beberapa prinsip bagi mencapai ke-damaian segera yang lebih mantap dan menghentikan serangan ganas di wilayah Palestin.